

# FPQS USIM sambut ulang tahun ke-15

Oleh NAZARUDIN SHAHARI

[pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

■ SEREMBAN 21 APRIL

**F**AKULTI Pengajian Quran Sunnah (FPQS) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai dekat sini telah menyambut ulang tahun ke-15 penubuhannya baru-baru ini yang seiring dengan usia universiti tersebut.

Majlis pelancaran sambutan ulang tahun ke-15 FPQS telah diadakan di Dewan Kuliah Utama fakulti berkenaan yang dirasmikan oleh Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Zulkiple Abd. Ghani dan Dekan FPQS, Prof. Madya Dr. Adnan Mohamed Yusoff.

Pelbagai aktiviti telah dianjurkan antaranya pertandingan tilawah al-Quran dan hafazan, seminar, pameran, jualan dan kempen menderma darah.

Turut diadakan ialah pelancaran Buku Integrasi Naqli dan Aqli: *Pers-*

*pektif Quran dan Sunnah.*

FPQS merupakan antara fakulti terawal yang ditubuhkan di USIM dan memulakan pengambilan pelajar suhug pada sesi akademik 2000/2001 bagi program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah.

Penubuhannya bertujuan melahirkan pelajar yang berkemampuan memahami dan mengambil hukum dari sumber yang asal iaitu al-Quran dan Sunnah di samping melahirkan pelajar yang mempunyai kefahaman yang menyeluruh terhadap pemikiran Islam dalam bidang akidah, syariah dan akhlak.

Menurut Musa, USIM komited untuk terus memartabatkan pengajian al-Quran dan Sunnah dalam arus perdana pendidikan negara.

Katanya, untuk bergerak selari dengan perubahan semasa, inovasi dilakukan ke atas program yang ditawarkan dengan mengintegrasikan pengajian al-Quran dan Sunnah secara tradisi dengan ilmu-ilmu moden baharu.

"Ini dilaksanakan menerusi penawaran program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran Dengan Multimedia dengan Kejujaban dan

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Sunnah Dengan Pengurusan Maklumat dengan Kejujaban.

"Sehingga kini, FPQS mempunyai seramai 1,800 orang pelajar,"ujarnya.

Pelbagai kejayaan telah dicapai sepanjang 15 tahun penubuhan FPQS antaranya pengiktirafan daripada kerajaan Turkeministan kepada pensyarah fakulti itu, Prof. Madya Dr. Najm Abd Rahman Khalaf dalam bidang manuskrip bagi kategori 'Humanitarian Manuscripts Heritage in Turkeministan'.

Selain itu, seorang tutor, Anuar Hasin telah memenangi Johan Qari Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan ke-56 pada tahun 2013 manakala pelajar FPQS, Essam Ahmad Lali telah memenangi johan kategori Hafazan Juzuk di peringkat ASEAN pada tahun 2013.

FPQS juga telah meraih nama kerana menawarkan kursus Aplikasi Braille Dalam Pengajian Quran dan Sunnah dan menubuhkan Institut Braille (IQBraille) yang berbangun di bawah Pusat Kecemerlangan USIM.



MUSA AHMAD (tiga dari kiri) bersama Adnan Mohamed Yusoff (kiri), Zulkiple Abd. Ghani (dua dari kiri) dan Timbalan Dekan FPQS, Dr. Mohd. Khairul Nizam Zainan Nazri pada Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun ke-15 FPQS di USIM, di Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.